

## *Penggunaan Rutin Berfikir Fikir-Tanya-Teroka dalam Kemahiran Interaksi Lisan*

**Zaetun Abbas**

zaetun\_abbas@moe.edu.sg

**Rahimah Januri**


rahimah\_januri@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Sembawang

### *Abstrak*

Pelajar sering kurang berjaya berfikir secara tersusun dan menyeluruh bagi menyampaikan pandangan mereka tentang topik perbincangan. Hal yang sama juga didapati berlaku semasa mereka menduduki peperiksaan lisan berasaskan klip video. Hal ini menjejaskan kelakonan dan markah mereka dalam ujian tersebut. Kajian ini dijalankan untuk memperbaiki kemahiran interaksi lisan pelajar. Bagi mencapai matlamat ini, strategi rutin berfikir telah digunakan untuk menyokong pelajar untuk berfikir secara berstruktur. Rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka telah dipilih untuk membina keupayaan mereka berfikir dengan tersusun. Di samping itu, rutin berfikir digabungkan dengan strategi **Apakah/Adakah/Bagaimanakah** dan **Komen**. Kajian ini melibatkan 20 orang pelajar Menengah 3. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebilangan pelajar yang dapat mengaplikasikan rutin berfikir ini dengan baik mampu memperoleh markah yang cemerlang.

Kata Kunci: Rutin berfikir, interaksi lisan, Menjadikan Pemikiran Jelas, menjana idea



## PENGENALAN


Kemahiran berfikir secara tersusun dan terarah perlu diterapkan dalam diri pelajar agar mereka dapat melahirkan idea-idea yang relevan dan menyeluruh mengenai sesuatu topik yang dibincangkan. Penggunaan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka (FTT) yang disarankan dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible* – MTV) dapat membantu pelajar menjana idea-idea yang berkaitan dengan sesuatu topik yang diketengahkan berdasarkan klip video yang ditonton.

Bagi membimbing para pelajar untuk melahirkan isi-isi yang relevan, guru telah menyenaraikan jenis-jenis soalan **Apakah/Adakah/Bagaimanakah** dan **Komen (ABK)** yang boleh difikirkan oleh pelajar untuk menyokong penggunaan rutin berfikir FTT. Secara tidak langsung, apabila pelajar dapat memikirkan soalan-soalan relevan tersebut, mereka juga akan memikirkan jawapan-jawapannya. Dengan ini, pelajar akan lebih bersedia untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh guru apabila tiba giliran mereka menghadapi peperiksaan lisan.

## PERNYATAAN MASALAH

Guru mendapati bahawa ramai pelajar tidak dapat menjawab soalan-soalan komponen perbualan berdasarkan klip video di dalam ujian lisan dengan baik dan lengkap. Salah satu sebabnya ialah pelajar tidak dapat memikirkan soalan-soalan relevan yang akan diajukan oleh guru lebih awal, justeru mereka gagal atau kurang bersedia untuk menjawab apabila soalan-soalan tersebut diajukan.

Bagi pihak guru pula, mereka terpaksa memikirkan soalan-soalan rangsangan untuk membimbing pelajar menjawab soalan-soalan yang diketengahkan. Hal ini pastinya menjejaskan kelancaran perbualan dua hala yang produktif berkaitan dengan sesuatu tema klip video yang digunakan. Oleh itu, adalah penting untuk guru melengkapkan para pelajar dengan kemahiran berfikir yang sesuai dan berkesan bagi membantu mereka melahirkan isi-isi yang relevan mengenai sesuatu topik yang dibincangkan. Bagi tujuan ini, guru telah menyiapkan bahan-bahan yang sesuai untuk memudahkan pelajar memahami penggunaan rutin berfikir FTT yang digabungkan dengan strategi ABK dan mengaplikasikannya semasa menduduki ujian lisan.



## TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir FTT dalam membantu pelajar menjana dan menyampaikan idea tentang kandungan klip video sebagai bahan rangsangan semasa pembelajaran dan ujian lisan; dan
2. meningkatkan keupayaan murid berfikir dengan menggunakan rutin berfikir FTT dan strategi ABK.

## KAJIAN LEPAS

Dapatan kajian oleh Ron Ritchhart (2011) sebagai pengkaji utama dalam *Project Zero*, iaitu kajian yang menggunakan pendekatan menjadikan pemikiran jelas membuktikan bahawa penggunaan rutin berfikir sangat berkesan dalam memandu proses pemikiran pelajar dan juga menggalakkan pelajar untuk memproses informasi secara aktif. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap pemikiran dan peluasan idea pelajar. Kaedah ini juga membolehkan guru menilai dan memahami pemikiran para pelajar mereka. Justeru, ini akan memudahkan guru untuk membentuk cara pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan pelajar-pelajar di dalam kelas.

Kajian tentang keberkesanan rutin berfikir turut dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu di Singapura dalam aspek yang berbeza. Antaranya ialah kajian oleh Farrah Mohamed Ghazali (2015), *Rutin Berfikir: Pencetus Intelek, Pembuka Minda* yang memberi tumpuan kepada penulisan karangan ekspositori. Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017) pula menggunakan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata. Berdasarkan kedua-dua kajian ini yang berfokus pada pelajar-pelajar dari sekolah menengah dan rendah, terbukti bahawa para pelajar tidak kira di peringkat sekolah menengah ataupun rendah mampu untuk meningkatkan tahap berfikir dan peluasan idea dengan menggunakan rutin berfikir. Jawapan pelajar juga didapati lebih teratur dan berstruktur dengan berpandukan strategi rutin berfikir yang disediakan oleh guru.



## KAEDAH KAJIAN


Kajian ini berbentuk eksperimental dan menggunakan kaedah praujian (Penilaian Semestral 1) dan pascaujian (Penilaian Semestral 2) serta pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku di bilik darjah. Bagi mencapai objektif pembelajaran, kaedah pengajaran secara eksplisit digunakan. Kaedah pengajaran eksplisit terdiri daripada lima peringkat, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Bahan-bahan yang digunakan termasuk slaid *Powerpoint*, penyusun grafik dan lembaran kerja. Tiga klip video dengan tema kandungan yang berbeza digunakan dalam pengajaran komponen ini: Gaya Hidup Sihat bagi modeling, Tanggungjawab Seorang Pelajar untuk kerja berkumpulan dan Aktiviti Masa Lapang sebagai kerja individu. Dapatan kajian dibentangkan secara kuantitatif dan kualitatif.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres (3E). Jumlah pelajar bagi kelas 3E ialah 20 orang. Pemilihan subjek kajian ini dilakukan untuk meningkatkan kemahiran pelajar berfikir secara tersusun, terarah dan menyeluruh mengenai tema video yang ditonton. Dengan itu, pelajar akan lebih bersedia menjawab soalan-soalan relevan yang diajukan oleh guru semasa sesi ujian.

### Instrumen Kajian

Tinjauan prapengajaran dijalankan untuk mengetahui strategi apakah yang telah digunakan oleh pelajar sebelum kajian ini dijalankan untuk membantu mereka berfikir mengenai tema video. Pengetahuan sedia ada pelajar juga diuji bagi guru menjelaskan apakah perkara yang telah dipelajari sebelum ini masih berguna atau tidak. Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan pelajar juga diambil kira dalam kajian ini. Maklum balas yang diterima daripada pelajar dipertimbangkan untuk mengubah suai rancangan pelajaran bagi mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, tugas berkumpulan juga diberikan supaya pelajar dapat saling bekerjasama dalam memikirkan dan mencatatkan idea-idea relevan mengenai sesuatu video. Penilaian dan maklum balas rakan dan guru berdasarkan senarai semak yang disediakan juga digunakan untuk memperbaiki soalan dan jawapan yang telah difikirkan. Sesi forum juga dijalankan untuk memberi ruang kepada para pelajar menjawab soalan-soalan yang telah dikumpulkan. Borang refleksi atau tinjauan pascapengajaran digunakan untuk menilai keberkesanan PdP.



## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama tiga sesi, dengan jangka masa tiga jam. Kesemua pelajaran dijalankan di dalam kelas. Bagi sesi pengajaran pertama, guru menerangkan dengan terperinci tentang penggunaan rutin berfikir FTT yang terbahagi kepada tiga tahap:


**Fikir** - memerlukan pelajar memikirkan tentang soalan-soalan **Apakah** atau **Adakah** yang meliputi perkara-perkara tentang peristiwa, perasaan, pendapat, pengalaman dan perkara yang menarik perhatian berdasarkan klip video yang ditonton.

**Tanya** - menggalakkan pelajar bertanya soalan **Bagaimanakah** yang berkaitan dengan peranan pihak-pihak yang terlibat berdasarkan konteks video tersebut. Soalan itu boleh juga berkisar tentang peranan individu, keluarga, rakan, sekolah dan pemerintah disentuh dalam bahagian ini.

**Teroka** - Komen pelajar tentang perkara-perkara yang berkaitan cabaran, kesan, cadangan atau jalan penyelesaian dan nilai diberi perhatian. Tugas secara berkumpulan telah dijalankan untuk menguji kebolehan pelajar memikirkan jenis-jenis soalan berdasarkan klip video Tanggungjawab Seorang Pelajar yang ditonton.

Sesi kedua memberi ruang kepada setiap kumpulan untuk berkongsi soalan-soalan yang telah disiapkan dalam templat yang disediakan. Penilaian daripada rakan dan guru dijadikan panduan untuk memperbaiki soalan-soalan setiap kumpulan. Sebuah forum juga dikendalikan untuk membincangkan jawapan-jawapan bagi soalan-soalan tersebut. Lima orang pelajar telah dipilih untuk memainkan peranan sebagai ketua pelajar, kaunselor sekolah, ibu, bapa dan pegawai dari kementerian pelajaran. Guru pula berperanan sebagai moderator. Para pelajar lain yang menjadi peserta juga diberi peluang mengajukan soalan.

Sesi ketiga ialah tugas individu yang memerlukan setiap pelajar cuba mengaplikasikan strategi yang dipelajari untuk memikirkan jenis-jenis soalan yang bersesuaian dengan kandungan klip video yang bertajuk Aktiviti Masa Lapang yang ditonton. Para pelajar juga harus menulis jawapan-jawapan bagi soalan-soalan tersebut. Setiap pelajar menyiapkan tugas ini di templat atau lembaran kerja yang disediakan. Guru memantau kemampuan pelajar dan memberikan




bimbingan tambahan bagi pelajar yang memerlukan. Prestasi para pelajar dalam Peperiksaan Akhir Tahun dijadikan pengukur bagi keberkesanan strategi ini.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Setelah diajar rutin berfikir FTT, seramai 14 orang pelajar yang menggunakannya manakala 6 pelajar tidak menggunakan rutin ini semasa Peperiksaan Akhir Tahun. Para pelajar yang menggunakan rutin ini memberikan sebab-sebab yang berikut:

**Rajah 1: Sebab-sebab Rutin Digunakan**




Pelajar mendapati buah fikiran mereka lebih tersusun, mudah difahami atau diingati, dapat berfikir secara bertahap-tahap dan mudah untuk memikirkan isi-isi yang relevan ketika ujian Lisan SA2. Enam orang pelajar yang tidak menggunakan rutin ini menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikannya kerana terlupa, masih tidak begitu faham dengan rutin dan jangka masa 10 minit yang diberikan itu terhad.

Setelah melalui rutin ini sebanyak dua kali atau pusingan pelajaran, 15 orang pelajar mengatakan bahawa strategi ini telah membantu mereka memikirkan soalan-soalan yang relevan dengan kandungan dan tema klip video. Dalam kalangan 15 pelajar itu, 6 pelajar mendapati panduan yang diajar guru jelas dan isi-isi yang perlu mereka fikirkan lebih terarah.



**Rajah 2: Sebab-sebab Rutin Berfikir Membantu Pelajar Berjaya Memberikan Idea Tentang Kandungan Klip Video**





Melalui rutin ini juga, 13 orang pelajar mendapati bahawa ia memudahkan mereka memikirkan soalan-soalan yang sama atau hampir sama dengan soalan-soalan yang diajukan oleh guru pemeriksa ketika SA2. Soalan-soalan yang hampir sama ialah soalan A iaitu soalan 'Apakah/Adakah'.

**Jadual 1: Jenis-jenis soalan**

Jenis Soalan	Bilangan Pelajar
Apakah/Adakah	9
Bagaimana	5
Komen	3

**Rajah 3: Perbezaan Pencapaian Pelajar dalam SA1 dan SA2**



Kesimpulannya, setelah melalui rutin ini, guru mendapati ada peningkatan dalam bilangan pelajar yang meraih markah yang lebih baik seperti yang tertera dalam Rajah 5 di atas ini. Guru-guru yakin bahawa rutin ini boleh membantu pelajar untuk mendapatkan markah terbaik bagi komponen perbualan berdasarkan video.

## KESIMPULAN

Penggunaan rutin berfikir FTT telah membantu sebahagian pelajar dalam memikirkan soalan-soalan relevan dan menjawab soalan-soalan tersebut dalam ujian lisan berasaskan klip video sebagai bahan rangsangan. Strategi ini jelas dapat dijadikan perancah bagi membantu para pelajar memikirkan soalan dan juga menyusun idea-idea bagi jawapan yang akan diutarakan kepada pemeriksa. Pelajar pastinya dapat memanfaatkan masa membuat persiapan sebelum diuji dengan menerapkan ilmu yang berkait dengan rutin ini semasa peperiksaan.

Guru harus memperkemas strategi ini bagi membantu para pelajar yang belum benar-benar memahami penggunaan bahagian-bahagian tertentu. Langkah selanjutnya untuk memperkukuh penggunaan strategi ini adalah dengan memberikan pelajar bahan-bahan bacaan yang relevan dan sesuai dengan tema-tema tertentu bagi membantu para pelajar yang lemah dalam aspek kosa kata.


Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Sunita Said
2. Sulastri Amat

## RUJUKAN

Ritchhart R., Church.M. & Morrison.K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass

Farah Mohamed Ghazali (2015). Rutin berfikir: Pencetus intelek, pembuka minda, dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperelok Budi Memperindah Bahasa, hlm. 417-429. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.





Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017), Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata, dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm 483-493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura, Menjadikan Pemikiran Jelas (Sekolah Menengah), Cetakan Februari 2017, Edisi Kedua.

<http://www.pz.harvard.edu/projects/cultures-of-thinking> - Cultures of Thinking Project Zero at Bialik College a Pre-k to 12 school in Melbourne, Australia with Ron Ritchhart as the Principal Investigator.

